



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA

SITUASI TERKINI COVID-19 DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa tiada kes baharu jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) dilaporkan pada hari ini (2 Mac 2020).

Jumlah kumulatif kes COVID-19 sehingga hari ini kekal 29 kes; iaitu 17 orang dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI), 10 orang dalam kalangan kontak rapat dan dua (2) orang dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan. Daripada jumlah tersebut, 15 orang adalah warganegara China, 11 orang warganegara Malaysia dan tiga (3) orang adalah lain-lain warganegara (iaitu Amerika Syarikat, Jepun dan Itali).

Daripada 29 kes positif ini, sebanyak 22 kes telah sembuh dan dibenarkan discaj. Manakala tujuh (7) kes masih menerima rawatan di wad isolasi di beberapa hospital di Lembah Klang. Kesemua kes ini dalam keadaan stabil.

Seramai 221 orang telah dikenalpasti mempunyai kontak rapat dengan tujuh (7) kes yang masih dirawat di hospital. Daripada jumlah kontak ini,

dua (2) telah disahkan positif (iaitu kes ke-27 dan kes ke-29) dan 74 negatif COVID-19. Manakala 82 kes masih menunggu keputusan makmal dan 63 lagi masih dalam proses pengambilan sampel.

Merujuk kepada gelombang pertama, kebanyakan kes-kes penyakit COVID-19 di Malaysia adalah merupakan kes-kes import atau berkait rapat dengan negara Republik Rakyat China dan hanya dua (2) kes COVID-19 merupakan transmisi tempatan. Dalam tempoh tersebut, 22 kes COVID-19 telah pulih dan discaj.

Setelah 11 hari tiada kes COVID-19 yang dilaporkan kepada *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC), KKM. Bermula pada 27 Februari 2020 sehingga kini, gelombang kedua bermula di mana tujuh (7) kes COVID-19 telah dikesan. Kebanyakan kes merupakan kes-kes import atau berkait rapat dengan negara-negara luar dari Republik Rakyat China iaitu Jepun dan Itali.

KKM ingin merujuk kepada maklumat yang ditularkan di media sosial mengenai dua orang kenamaan yang dikatakan disyaki dijangkiti COVID-19 dan dikaitkan dengan kes ke-26 COVID-19. Perkara ini sedang disiasat dan diambil tindakan oleh pihak KKM.

Untuk makluman, kes ke-26 yang dilaporkan pada 1 Mac 2020 sedang dirawat dan dipantau di wad isolasi Hospital Sungai Buloh dan dalam keadaan stabil. Lima (5) kontak rapat keluarga, seorang pembantu khas kepada kes ke-26 dan seorang kakitangan kesihatan swasta juga telah disahkan negatif COVID-19. Siasatan dan pengesanan kontak rapat masih terus dijalankan.

NASIHAT KESIHATAN

Orang ramai diingatkan agar tidak menularkan berita-berita mengenai kes jangkitan COVID-19 yang tidak disahkan oleh KKM bagi mengelakkan situasi panik dan salah faham dalam masyarakat. Pihak KKM juga ingin menegaskan bahawa siasatan ke atas kes positif COVID-19 serta pengesanan kontak dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Garispanduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.04/2020; iaitu:

- i. Kontak rapat adalah mereka yang berhubung rapat dengan kes yang disahkan positif COVID-19. Ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kontak rapat dalam lingkungan satu (1) meter dengan kes positif COVID-19 seperti anggota kesihatan yang merawat kes tanpa memakai *Personal Protective Equipment* (PPE) yang disarankan atau mereka yang tinggal dalam satu rumah yang sama.
- ii. Hanya mereka dalam kategori kontak rapat kes positif sahaja yang akan disaring dan diambil sampel bagi ujian pengesanan jangkitan COVID-19. Manakala individu yang mempunyai kontak dengan mereka yang sekadar disyaki dijangkiti COVID-19 dan belum disahkan melalui ujian makmal BUKAN DIKATEGORIKAN sebagai KONTAK dan tidak diambil sampel.

Orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan kebersihan diri yang baik dengan sentiasa mencuci tangan dengan air dan sabun atau dengan menggunakan *hand sanitiser*.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan COVID-19 ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Justeru, orang ramai dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai COVID-19 melalui laman sesawang KKM. Sekiranya memerlukan penerangan lanjut, sila hubungi Infoline CPRC Kebangsaan melalui:

- No. telefon : 03-8881 0200 / 03-8881 0600
/ 03-8881 0700 yang beroperasi dari
8:00 pagi hingga 5:00 petang; dan
- E-mel : cprc@moh.gov.my

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

2 Mac 2020 @ 2:00 petang